

Ruj. Kami: JANM.PRK.600-1/3/4(40)
Tarikh: 26 Ogos 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN BULANAN: PROSES PERAKUAN 2 DI MODUL ARAHAN PEMBAYARAN
DI SISTEM iGFMS BAGI BULAN OGOS 2025**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diingatkan untuk memastikan semua urusan niaga Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga ke proses Perakuan 2 sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **29 Ogos 2025 (Jumaat)** bagi membolehkan Pejabat Perakaunan melaksanakan proses larian bayaran pada hari yang sama.

3. Sehubungan dengan itu, **proses Perakuan 2 TIDAK DIBENARKAN** dibuat oleh semua Jabatan dan PTJ pada **29 Ogos 2025 (Jumaat) bermula dari jam 12.01 tengah hari** sehingga **1 September 2025 (Isnin) jam 11.59 tengah malam**. **Proses Perakuan 2** hanya boleh dilaksanakan semula bermula pada **2 September 2025 (Selasa)**.

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**